

*Tarikh Dibaca: 15 Ogos 2025M / 21 Safar 1447H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“MENELADANI AKHLAK  
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "MENELADANI AKHLAK AHLI SUNNAH WAL JAMAAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرُ نَفْسًا مَا  
قَدَّمْتُ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ.<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

<sup>1</sup> Al-Hasyr: 18.

<sup>2</sup> Ali-'Imran: 102.



diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"MENELADANI AKHLAK AHLI SUNNAH WAL JAMAAH"**.

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Dalam sejarah umat ini, ada waktu-waktunya di mana kebenaran akidah diuji dengan pelbagai cabaran fitnah pemikiran, fahaman menyeleweng, dan ideologi yang memesongkan. Namun, pada saat-saat getir itulah, para ulama tampil mempertahankan agama, bukan dengan emosi, tetapi dengan hujah, hikmah dan kebijaksanaan ilmu.

Ahli Sunnah Wal Jamaah terkenal dengan kemuliaan akhlak yang terserlah dalam tutur kata, perbuatan dan dakwah mereka. Sebagai pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita hendaklah sentiasa mengutamakan hikmah dan kasih sayang dalam menyampaikan nasihat. Inilah warisan akhlak Nabi Muhammad SAW, iaitu menegur dengan penuh kelembutan dan hikmah, bukan bersikap keras tanpa sebab atau mengherdik dalam menegur kesalahan.

Hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah *Radiallahuanha* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفْقَ وَيُعْطِي عَلَى الرِّفْقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى  
الْعُنْفِ وَمَا لَا يُعْطِي عَلَى مَا سِوَاهُ.



*"Sesungguhnya Allah SWT bersifat lemah lembut mencintai sifat lemah lembut. Dan Allah SWT memberi kelebihan pada sifat kelembutan apa yang tidak diberikan pada sifat kekerasan dan pada sifat selainnya."*

*(Riwayat Muslim).*

Hadis ini menjadi prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam menyampaikan kebenaran dengan penuh hikmah agar hati manusia mudah menerima hidayah Allah SWT.

Ahli Sunnah Wal Jamaah juga sentiasa mengamalkan sikap saling menghormati meskipun berlaku perbezaan dalam perkara cabang. Jadi, kita seharusnya menyedari bahawa perbezaan pendapat dalam perkara ijtihad adalah rahmat dan lumrah dalam syariat Islam, bukannya punca kepada perpecahan atau permusuhan. Para imam besar seperti Imam al-Syafi'i dan Imam Malik saling menghormati antara satu sama lain walaupun terdapat perbezaan pandangan antara mereka. Tidak pernah kita dengar kedua-dua tokoh ini mengeluarkan kata-kata cercaan kepada saudara seakidah hanya kerana perbezaan dalam soal hukum cabang. Maka, kita sebagai umat Islam di bumi Selangor ini mestilah meneladani adab ulama dalam berbeza, bukan menambah luka dengan ucapan yang menyakitkan.

Ahli Sunnah Wal Jamaah sentiasa mengingatkan umat Islam agar berhati-hati dalam penggunaan lidah, terutamanya ketika berbeza pandangan. Melabel, menghina atau menyesatkan sesama saudara seakidah tanpa asas ilmu yang jelas boleh membawa kepada perpecahan dan membuka ruang fitnah dalam masyarakat.



Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 11 yang bermaksud:

*"Wahai orang yang beriman, janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain (kerana) boleh jadi mereka yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka (yang mencemuh) dan jangan pula sesuatu puak daripada kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan kaum perempuan yang lain, (kerana) boleh jadi perempuan yang dicemuh itu lebih baik daripada perempuan yang mencemuh! Janganlah sebahagian kamu menyatakan keaiban sebahagian yang lain dan jangan pula kamu memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk."*

Begitulah bahayanya ucapan yang tidak ditimbang dengan ilmu dan hikmah, sedangkan setiap kata yang keluar dari mulut kita akan dipersoal di hadapan Allah SWT pada hari kiamat nanti. Memutuskan silaturahim hanya kerana perbezaan ijtihad dalam masalah cabang agama juga bukanlah pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah sebaliknya perbezaan itu mesti diurus dengan adab, saling menghormati dan bersangka baik, bukan pula dengan cercaan, hasad atau label yang menjatuhkan maruah. Hakikat yang perlu kita sedar adalah kesilapan dalam perkara cabang tidak menjadikan seseorang itu fasiq atau sesat selagi mana dia tetap berpegang pada asas kebenaran.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ يَا كَافِرُ، فَقَدْ بَاءَ بِهِ أَحَدُهُمَا**



*"Jika seseorang berkata kepada saudara muslimnya "kafir" maka ucapan itu akan kembali kepada salah seorang daripada mereka.*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Inilah prinsip berhati-hati Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang lebih mengutamakan maruah umat Islam daripada mengikut hawa nafsu dalam menjatuhkan hukum sesat atau kafir.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Marilah kita hayati bagaimana para imam besar Ahli Sunnah Wal Jamaah menunjukkan contoh akhlak mulia sesama mereka walaupun berbeza pandangan.

Lihatlah kepada Imam al-Syafi'i *Rahimahullah*, yang terkenal dengan kebijaksanaan dalam mengurus perbezaan pandangan dengan adab yang luhur sebagaimana Yunus al-Sadafi berkata:

*"Aku tidak pernah melihat orang yang lebih berakal daripada Imam al-Syafi'i Rahimahullah. Pernah suatu hari aku berdebat dengannya dalam satu isu. Setelah itu, kami berpisah. Kemudian dia menemuiku, menggenggam tanganku dan berkata: "Wahai Abu Musa, tidakkah indah andai kita tetap bersaudara, walaupun kita tidak sepakat dalam satu isu?".*

Dalam peristiwa lain Imam Malik *Rahimahullah* juga pernah menasihati seorang pemuda Quraisy dengan berkata:

**تَعْلَمُ الْأَدَبَ قَبْلَ أَنْ تَتَعَلَّمَ الْعِلْمَ**

*"Pelajarilah adab sebelum engkau mempelajari ilmu,"*



Ini menunjukkan betapa pentingnya akhlak sebagai asas dalam menuntut ilmu. Murid beliau, Abdullah bin Wahb, turut meriwayatkan bahawa apa yang mereka warisi daripada Imam Malik dalam hal adab jauh lebih banyak daripada ilmunya. Bahkan, Imam Malik sendiri menceritakan bahawa ibunya pernah menyuruhnya menghadiri majlis seorang ulama besar Madinah iaitu Robi‘ah ibn Abi ‘Abd al-Rahman, dengan pesanan tegas:

**فَتَعْلَمُ مِنْ أَدَبِهِ قَبْلَ عِلْمِهِ**

*"Pelajarilah adabnya sebelum engkau mengambil ilmunya."*

Tradisi ini menggambarkan bahawa dalam dunia keilmuan Islam, adab bukan sekadar pelengkap, tetapi syarat utama bagi keberkatan sesuatu ilmu.

### **Sidang Muslimin yang berbahagia,**

Dalam kesungguhan kita mempertahankan kebenaran, kadang-kadang kita diuji dengan sikap yang mungkin tidak kita sedari iaitu tergesa-gesa dalam menghukum atau menilai sesama saudara seakidah. Maka eloklah kita sama-sama bermuhasabah, adakah pendekatan kita semakin mendekatkan hati, atau sebenarnya menjauhkan manusia daripada rahmat Allah SWT? Ingatlah bahawa Allah SWT memerintahkan Nabi Musa *Alaihissalam* dan Nabi Harun *Alaihissalam* supaya berkata kepada Firaun dengan lembut, bukan kerana Firaun itu layak dimuliakan, tetapi kerana kelembutan itu sendiri adalah salah satu jalan dakwah yang terpuji.



Firman Allah SWT dalam surah Taha ayat 44:

فَقُولَا لَهُ وَقَوْلًا لَّيْنَا لَعَلَّهُ وَيَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى.

*"Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat atau takut".*

Justeru, dalam kalangan kita yang mungkin berbeza pandangan dalam hal-hal furu' atau pendekatan dakwah, eloklah jika kita memelihara adab dan menghiasi diri dengan sikap lemah lembut dan berlapang dada. Syeikh Muhammad Awwamah yang merupakan seorang ilmuwan hadis Syria menyebutkan dalam kitabnya *Adab al-Ikhtilaf Fi Masail al-'Ilm Wa al-Din* bahawa:

*"Jika perbezaan itu hanya dalam sebahagian kecil perkara akidah (cabang-cabangnya), maka ia tidak mengapa dan tidak menjadi kesalahan. Tidak samar bagi orang yang berakal bahawa perbezaan dalam cabang-cabang hukum syarak adalah sesuatu yang dibenarkan secara akal dan syarak."*

Ini bermakna, ada ruang untuk kita meraikan perbezaan dengan kasih sayang, bukan dengan sangkaan buruk atau saling menjatuhkan.

Mungkin adakalanya niat kita ikhlas untuk menegur, tetapi cara dan suasana yang tidak berhikmah boleh membawa kesan yang tidak baik. Maka eloklah jika setiap teguran itu dimulai dengan niat untuk membetulkan, bukan membuka aib atau mananam kebencian.

Sesungguhnya, kemuliaan Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak hanya terletak pada kebenaran akidah dan manhajnya, tetapi juga pada



kelembutan akhlaknya. Pegangan yang sahih mestilah disertai dengan adab dalam berbeza, hikmah dalam menegur, serta kasih sayang dalam berdakwah. Inilah jalan pertengahan yang kita warisi daripada para *salafussoleh* dan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sentiasa memelihara kebenaran tanpa memutuskan ukhuwwah Islamiyyah.

### **Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah menjauhi sikap *ghuluw* yakni melampau dalam menghukum, serta berpegang teguh kepada prinsip tasamuh dalam perkara khilafiyah.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga adab dalam berbeza pandangan sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh para imam muktabar Ahli Sunnah Wal Jamaah.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa perbezaan ijtihad tidak harus membawa kepada perpecahan, bahkan ia sebenarnya adalah rahmat dan perlu diurus dengan adab dan sangka baik, bukan dengan cercaan dan melabel.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هُمْ قَوْمٌ أَنْ  
يَبْسُطُوا إِلَيْكُمْ أَيْدِيهِمْ فَكَفَّ أَيْدِيهِمْ عَنْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَعَلَى اللَّهِ  
فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ.

"Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah nikmat Allah (yang telah dikurniakan-Nya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulurkan tangan mereka (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu! Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah dan kepada Allah jualah orang yang beriman bertawakal".

(Surah Al-Ma'idah: 11).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفْعِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيْهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَأْ  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا.<sup>3</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

<sup>3</sup> Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ  
السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلَّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami sebagai hamba yang mentaati perintah-Mu. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan maksiat, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang berintegriti, jujur, adil dan tegas dalam menegakkan kebenaran berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah



masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.<sup>4</sup>

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.<sup>5</sup>

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَ وَإِيتَاهُ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظِلُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.<sup>6</sup>

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

<sup>4</sup> Al-Furqan: 74.

<sup>5</sup> Al-Baqarah: 201.

<sup>6</sup> Al-Nahl: 90.